

PENERAPAN GAYA BAHASA PERULANGAN DALAM TEKS NOVEL TINGKATAN 4 LEFTENAN ADNAN KARYA ABDUL LATIP TALIB

*APPLICATION OF REPETITIVE LANGUAGE STYLE IN THE TEXT OF THE FORM 4
NOVEL OF LIEUTENANT ADNAN BY ABDUL LATIP TALIB*

Muhammad Ameer SHAUQI¹

Marzni MOHAMED MOKHTAR*²

Muhammad Aiman Syazwan AHMADI³

Muhammad Ikhwan Danial ABDULLAH⁴

Muhammad Ikhmal MOHD ISA⁵

^{1,2,3,4,5} Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia.

¹205245@student.upm.edu.my

*²marzni@upm.edu.my

³205331@student.upm.edu.my

⁴206416@student.upm.edu.my

⁵207106@student.upm.edu.my

Corresponding author*

Received: 30th May 2024

Accepted: 9th October 2024

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka penerapan jenis gaya bahasa perulangan yang terdapat dalam teks novel Leftenan Adnan karya Abdul Latip Talib. Kajian ini memberikan fokus kepada penerapan gaya bahasa perulangan yang merangkumi enam jenis yang berbeza iaitu anafora, epifora, simplok, responsi, *woordopname* dan paralelisme dalam teks novel yang dikaji. Selanjutnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti penerapan gaya bahasa perulangan yang paling dominan yang terdapat dalam teks novel ini. Selaras dengan tujuan kajian, Teori Stilistik yang digagaskan oleh J.J Webber (1989) dijadikan sebagai sandaran utama dalam mengenal pasti kepelbagaian unsur gaya bahasa yang diterapkan oleh pengarang dalam teks novel ini. Reka bentuk penyelidikan kajian ini pula dilaksanakan menerusi kajian kualitatif berdasarkan analisis teks novel Leftenan Adnan karya Abdul Latip Talib. Analisis tematik telah digunakan bagi meneliti setiap kata, frasa dan ayat untuk mengenal pasti penerapan gaya bahasa perulangan yang terdapat dalam teks novel ini. Dapatan kajian membuktikan bahawa pengarang cenderung menggunakan gaya bahasa perulangan anafora, epifora, simplok, responsi, *woordopname* dan paralelisme untuk memberi penegasan dan mengembangkan idea dalam penulisan teks novel. Selain itu, gaya bahasa perulangan anafora dilihat merupakan gaya

bahasa yang mendominasi penulisan teks yang dilakukan oleh pengarang. Impaknya, penerapan unsur gaya bahasa dalam penulisan teks novel dilihat berupaya menjadi perantara antara pengarang dengan pembaca bagi menyampaikan pemikiran atau gagasan idea untuk ditanggapi dan dihayati dengan lebih mudah dan bermakna di samping memperkayakan nilai estetika bahasa dalam penulisan sesebuah teks novel.

Kata kunci: Gaya bahasa; KOMSAS; perulangan; Teori Stilistik; teks novel

ABSTRACT

This study aims to explore the application of the repetitive language style found in the novel Lieutenant Adnan by Abdul Latip Talib. The first objective of this study is to identify the application of repetition language style which includes six different types namely anaphora, epiphora, simplok, response, woordopname and parallelism. The second is to identify the application of the most dominant repetitive language style found in the text of this novel. The research methodology involves qualitative research based on text analysis of Lieutenant Adnan's novel by Abdul Latip Talib. This study uses Stylistic Theory based on the views of J.J Webber (1989). The analysis of this study also involves close and careful reading of each word, phrase and sentence to identify the application of repetitive language style found in the text of this novel. The results of the study found that the application of repetitive language style consists of anaphora, epiphora, simplok, response, woordopname and parallelism. The analysis found that the author uses this repetitive language style to emphasize and develop ideas in his writing sentences. In addition, the author of this novel likes to use the language style of anaphora repetition in his writing. The impact is that the application of language style elements in the writing of a novel text is seen to be able to act as an intermediary between the author and the reader to convey thoughts or ideas to be perceived and appreciated more easily and meaningfully in addition to enriching the aesthetic value of language in the writing of a novel text.

Keywords: KOMSAS; language style; novel text; repetition; Stylistic Theory

Pengenalan

Teks novel merupakan sebuah penulisan panjang yang ditulis atau dikarang dalam bentuk prosa. Teks novel dianggap sebagai prosa moden atau prosa naratif. Jumlah perkataan ialah ukuran yang digunakan bagi mengkategorikan prosa moden atau prosa naratif. Misalnya, cerita yang mengandungi antara 20 000 - 50 000 patah perkataan dikategorikan sebagai 'novella', manakala cereka yang mengandungi lebih daripada 50 000 patah perkataan dikategorikan sebagai novel. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa cerita dalam bentuk prosa biasanya panjang dan kompleks serta menceritakan perkara-perkara berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Tambahan lagi, teks novel memainkan peranan penting dalam pengajaran Komponen Sastera (KOMSAS) bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan turut digunakan bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK).

Namun begitu, terdapat pelbagai isu pengajaran teks novel yang perlu ditangani dengan sebaik-baiknya oleh pengamal sistem pendidikan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Masalah yang dapat dikesan adalah melalui teks novel atau karya sastera itu sendiri. Penggunaan karya sastera dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu hanya dilaksanakan pada tahun 2000. Kajian ini melihat kepada masalah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui karya sastera, iaitu teks novel. Kebanyakan teks novel yang dipilih teksnya agak panjang, bersaiz tebal dan agak usang menyebabkan murid berasa bosan untuk membacanya. Selain itu, tema dan persoalan karya yang dipilih juga tidak menarik, bahasa yang susah dan isi yang kurang difahami serta teknik penyampaian yang terlalu simbolis. Permasalahan bagi murid pula ialah kemampuan murid untuk memahami kosa kata atau diksi yang digunakan misalnya mempunyai makna tersirat yang menyukarkan murid untuk memahami maksud tersebut. Berlaku juga kekeliruan kefahaman murid terhadap sesebuah jalan cerita bagi suatu teks novel tertentu (Faizah Abdul Rashid, 2022). Tambahan pula, minat membaca murid terhadap novel semakin berkurangan. Perkara ini terjadi kerana murid beranggapan bahawa teks novel ini kurang menarik dan penyampaian imajinasinya yang tidak masuk akal. Jelasnya, keadaan ini menunjukkan permasalahan PdP bagi sesebuah teks novel dalam bahasa Melayu.

Tyson dan Woodward dalam Mahzan Arshad (2003:159) pula menemui bahawa 80 peratus guru masih menggunakan buku teks dan buku kerja sahaja dalam PdP bahasa Melayu. Situasi ini menunjukkan guru masih tidak memahami konsep penggunaan bahan kesusasteraan bagi melaksanakan pengajaran bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Pemilihan bahan kesusasteraan yang sesuai bagi sesuatu pengajaran bahasa Melayu juga merupakan perkara yang rumit dan perlu diberikan perhatian yang lebih oleh guru itu sendiri. Sekiranya hanya buku-buku teks yang selalu digunakan, murid sudah tentu akan berasa bosan untuk mengikuti pembelajaran tersebut. Satu alternatif bahan pengajaran yang berkesan lagi menarik ialah bahan sastera yang memperlihatkan bahasa yang indah dan halus. Oleh itu, bahan sastera khususnya teks novel wajar dijadikan bahan pengajaran dalam kelas untuk meningkatkan kebolehan berbahasa dalam kalangan murid yang terdiri daripada kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis bagi subjek bahasa Melayu. Keadaan ini selaras dengan salah satu keperluan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), iaitu penguasaan bahasa melalui pelbagai bahan. Penguasaan bahasa dapat ditingkatkan dengan mendedahkan pelbagai bahan pengajaran bahasa yang mencakupi variasi bahasa dalam pelbagai suasana, laras dan gaya bahasa yang indah.

Permasalahan berikutnya melihat kepada kaedah pengajaran guru yang turut dititikberatkan. Guru perlu bijak dalam memilih kaedah yang sesuai untuk mengajarkan KOMSAS. Sebagai contoh, guru menggunakan kaedah berfokus yang menekankan penggunaan pendekatan pemerhatian yang memberikan tumpuan pada sesuatu aspek sastera semasa murid mencerakinkan teks sastera. Walau bagaimanapun, terdapat juga unsur-unsur sampingan lain yang menjadi fokus pemerhatian. Pemerhatian yang dilakukan berdasarkan pendekatan ini boleh menghasilkan pencerakinan yang kemas kerana adanya pemilihan fokus pada aspek yang dibincangkan, khususnya aspek gaya bahasa. Murid dapat meneliti hal-hal yang tersirat dan tidak terhad kepada perkara-perkara yang tersurat

sahaja dengan melakukan pembacaan yang mendalam. Maka, jelaslah bahawa kaedah berfokus ialah pendekatan pengajaran yang menekankan sesuatu aspek yang tertentu dalam sesebuah karya sastera bagi setiap pengajaran dan pembelajaran di samping menyentuh aspek-aspek lain secara sampingan. Contohnya, guru memberi tumpuan kepada penerapan unsur gaya bahasa yang terdapat dalam karya sastera sebagai salah satu objektif pembelajaran yang ingin dicapai. Pasti fokus kandungan pengajaran akan lebih bermakna dan akhirnya pemahaman murid terhadap penerapan unsur gaya bahasa ini akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Bagi menghayati sesebuah karya kesusasteraan atau teks penulisan kreatif dengan lebih baik, seseorang pembaca perlu didedahkan kepada aspek struktural sesebuah karya. Namun, penguasaan aspek struktural didapati kurang dikuasai oleh murid (Chew & Amir, 2023). Contohnya, gaya bahasa dalam teks sastera yang dibaca kurang dikuasainya. Gaya bahasa meliputi pelbagai aspek antaranya ialah perbandingan, perlambangan dan perulangan atau dikenali juga sebagai penegasan. Pendedahan terhadap unsur gaya bahasa ini dapat membantu pembaca atau murid untuk mengetahui kandungan yang tersurat dan tersirat dalam penulisan karya sastera. Bahan sastera yang merangkumi unsur gaya bahasa mendatangkan kebaikan dalam pengajaran bahasa Melayu namun masih terdapat murid yang tidak memahaminya dalam sesi pengajaran. Kelemahan ketara murid adalah untuk memahami jenis gaya bahasa yang terdapat dalam setiap novel yang dipelajarinya. Pemilihan dan penggunaan bahan kesusasteraan yang sesuai dalam pengajaran bahasa Melayu amat penting bagi memastikan pengajaran guru di dalam bilik darjah dapat menarik minat murid.

Pengajaran dan pembelajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah untuk memenuhi keperluan pengetahuan murid tentang variasi bahasa, kefahaman terhadap gaya bahasa melalui pembacaan dan penikmatan teks sastera yang disenaraikan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam kajian ini, gaya bahasa perulangan yang terdiri daripada personifikasi, anafora, epifora, simile, hiperbola, metafora, sinkope dan repetisi merupakan unsur gaya bahasa yang dikaji dalam novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib. Penerapan gaya bahasa yang diteliti juga meliputi jenis gaya bahasa yang digunakan dalam karya ini serta menentukan penggunaannya sekali gus dapat memberi manfaat kepada murid khususnya dan pembaca amnya.

Kesepadanan Pengaplikasian Prinsip Teori Stilistik dalam Teks Novel

Teori Stilistik ialah ilmu yang mengkaji teknik pemakaian bahasa dalam penulisan yang berkaitan dengan disiplin linguistik (Webber, 1989). Stilistik juga mencakupi stail dan gaya yang dihubungkan dengan pemakaian bahasa sebagai wahana pengucapan. Stilistik memfokuskan aspek kebahasaan yang membentuk ilmu gaya iaitu gaya sastera dan gaya bukan sastera. Dengan kata lain, ilmu stilistik ialah ilmu linguistik yang kemudiannya diperluas dalam bidang sastera dengan menekankan kajian tentang bahasa.


Arbai'e Sujud dan Arbak Othman (2014) mengatakan bidang stilistik adalah untuk menyerlahkan dan menunjukkan keupayaan pengarang atau penulis menggunakan bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan pemikiran. Sebagai contoh, pemikiran yang diungkapkan bersifat imaginatif, figuratif, simbolik dan memiliki unsur-unsur estetika. Fokus utama bidang stilistik adalah untuk menjawab kepada jenis gaya bahasa yang digunakan oleh penulis. Gaya bahasa pula merujuk terus kepada gaya unik seseorang penulis dalam menyampaikan idea kepada pembaca mengikut pandangannya. Selain itu, tumpuan stilistik ini juga melihat tujuan penulis menggunakan gaya bahasa tersebut. Terdapat dua tumpuan stilistik, iaitu gaya menurut sistem bahasa dan gaya menurut seni bahasa.

Menurut Hassan (1990), stilistik ialah ilmu tentang stail atau gaya yang dihubungkan dengan pemakaian atau penggunaan bahasa. Ilmu berkaitan stilistik muncul dalam bidang linguistik dan digunakan juga dalam bidang kesusasteraan yang menggunakan bahasa sebagai wadah pengucapan. Stilistik dari sudut sastera merupakan kajian terhadap keseluruhan karya yang berpusat kepada penggunaan bahasa. Menurut Mana Sikana (2003), stilistik sebagai kajian terhadap keseluruhan karya yang memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa. Karya sastera mempunyai keunikannya tersendiri dalam penggunaan gaya bahasanya untuk menimbulkan kesan artistik dan estetik. Oleh itu, aplikasi Teori Stilistik dalam penerapan gaya bahasa ini dapat mendedahkan bahasa indah yang terkandung dalam daya kreatif seseorang pengarang yang kebiasaannya menggunakan bahasa sastera yang jauh berbeza daripada bahasa umum. Webber (1989) mengatakan bahawa terdapat enam prinsip dalam Teori Stilistik, iaitu:

- i. Analisis prinsip fonologi yang melibatkan sebarang bunyi bahasa seperti pengulangan awal kata, akhir kata mahupun di bahagian tengah.
- ii. Analisis prinsip diksi, yang merujuk kepada pemilihan diksi, iaitu pemilihan dan penggunaan perkataan yang sesuai dengan tema atau tajuk sesuatu bahan bercerita dan berkesan untuk mengungkapkan idea sama ada secara bertulis atau lisan.
- iii. Analisis prinsip penilaian pembentukan ayat atau struktur bagi meneliti cara suatu ayat dihasilkan dalam sesebuah karya itu diterjemahkan bentuknya.
- iv. Analisis prinsip kajian terhadap simbol dan makna atau semantik yang sangat mementingkan makna untuk difahami secara tersurat dan tersirat.
- v. Analisis prinsip penelitian kepada unsur-unsur bahasa dramatik kerana ia berfungsi untuk menyifatkan pelbagai kesan yang imaginatif terhadap pembaca. Sebagai contoh, unsur simile dan personifikasi.
- vi. Prinsip gaya individualisme yang memfokuskan gaya individualisme, iaitu identiti yang ditonjolkan oleh seseorang penulis itu.

Rajah 1

Enam Prinsip Teori Stilistik Webber (1989)




Ciri-Ciri Prinsip Teori Stilistik

Ciri-ciri stilistik yang boleh diteliti dalam teks novel terbahagi kepada dua perkara penting. Pertama, kajian tentang kelainan bahasa yang mengandungi bentuk gaya bahasa perulangan, penyirnaan, perbandingan, pertautan dan pertentangan. Kelainan bahasa juga termasuklah peribahasa, sindiran dan gaya retorik. Ciri kedua ialah pemakaian bahasa yang merangkumi segala yang tercakup dalam linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Stilistik dalam suatu kajian boleh dilihat mengenai kelainan bahasa secara umumnya. Oleh itu, ciri-cirinya dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian tertentu.

- i. Gaya bahasa perbandingan adalah seperti imejan, metafora, personifikasi, pleonasme dan simile.
- ii. Gaya bahasa pertentangan pula adalah seperti hiperbola, inversi dan paradoks.
- iii. Gaya bahasa perulangan merangkumi aliterasi, anafora, asonansi, epifora, rima dan sinkope.
- iv. Gaya bahasa penyirnaan yang hanya terdapat satu ciri sahaja, iaitu sinkope.

Rajah 2

Ciri Prinsip Teori Stilistik Webber (1989)



Walaupun gaya bahasa pertautan tidak terdapat di dalam sukatan pelajaran, gaya bahasa tersebut juga perlu dikuasai oleh guru bagi membezakannya dengan ciri-ciri yang lain. Menurut Nik Hassan Basri (2005), gaya bahasa pertautan ialah gaya bahasa yang menghubungkan sesuatu yang memiliki ciri atau sifat tertentu dengan yang lain. Antara gaya bahasa yang selalu dikelompokkan di dalam gaya bahasa ini ialah gaya bahasa sinekdok, eufemisme, epitet, antonomasia, eponim, metonimia dan alusi.

Sorotan Kajian

Nur Hanis Mohd Ramlee (2023) dalam kajian Unsur Patriotisme dalam kajian 'Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa: Satu Kajian Berdasarkan Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu' pula bertujuan mengenal pasti unsur patriotisme yang terkandung dalam teks novel ini serta kepentingan penerapan unsur patriotisme dalam teks novel ini kepada masyarakat. Setiap peristiwa yang terkandung dalam novel ini telah membuktikan bahawa semangat kepahlawanan yang ditonjolkan oleh para askar Melayu menjadi lambang kekuatan jati diri. Selain itu, dalam teks novel ini juga didapati banyak watak yang menepati objektif kajian iaitu berkaitan unsur patriotisme. Dian Hardise et al. (2022) dalam kajiannya yang bertajuk 'Analisis Gaya Bahasa Novel Si Anak Badai Karya Tere Liye' mengkaji tentang gaya bahasa yang terdapat dalam teks novel. Analisis gaya bahasa novel *Si Anak Ribut* karya Tere Liye dilaksanakan dengan menggunakan proses ulasan, iaitu membaca novel dengan penuh pemahaman untuk memahami gaya bahasa novel yang akan dianalisis. Kajian data dalam analisis ini lebih menekankan kepada menganalisis gaya bahasa iaitu gaya bahasa perbandingan (simile, metafora, personifikasi), kontradiksi (hiperbola, histeron proteron), pertautan (metonimi, sinekdoke), pengulangan (aliterasi, anafora, anadiplosis). Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, terdapat 94 penggunaan gaya bahasa hiperbola yang ditemui dalam penelitian ini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pengarang lebih cenderung menggunakan gaya bahasa hiperbola untuk memberikan kesan puitis. Dari segi makna, pengarang lebih kerap menggunakan makna denotatif dan kiasan dalam penceritaan peristiwa.

Noraini Ibrahim dan Ani Omar (2017) dalam kajian *Analisis Pengarang dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Talib* mendapati bahawa terdapat empat aspek pemikiran yang terdapat dalam teori SPB4K berdasarkan pemerhatian mereka terhadap Abdul Latip Talib. Keseimbangan pemikiran seperti pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan juga kekreatifan yang bertimbal balik dalam teks novel *Leftenan Adnan* ini membuatkan teks novel ini dianggap baik. Faza Atiqah (2018) pula memberikan tumpuan terhadap penerapan 'Ayat Perintah dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa' dan mendapati bahawa penggunaan ayat suruhan mendominasi jenis ayat yang digunakan manakala ayat sila merupakan jenis ayat yang paling sedikit digunakan dalam teks novel tersebut. Malah, kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan ayat suruhan, ayat larangan, ayat permintaan dan ayat ajakan digunakan oleh pengarang dalam menyampaikan pemikirannya. Md Zahril Nizam Md Yusoff et al. (2020) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Stilistik dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah* telah menemui unsur seni bahasa yang tersirat dalam kesusasteraan. Perubahan bahasa dalam karya Abdullah Munsyi turut dikaitkan latar pendidikan dan berketurunan Tamil yang akhirnya memberikan impak terhadap keterampilan berbahasa dalam karyanya. Data bahasa dianalisis menggunakan penelitian secara deskriptif. Selanjutnya, Leech dan Short (2007) turut menggunakan kerangka analisis stilistik untuk menghuraikan gejala bahasa dari sudut linguistik dengan fungsi sastera. Terdapat dua kategori yang difokuskan daripada kerangka ini, iaitu kategori leksikal dan penggunaan bahasa kiasan. Kesemua elemen linguistik pula dihuraikan dengan pendekatan komponen makna Leech (1981) seperti makna konseptual, makna konotatif, makna afektif, makna sosial atau stilistik, makna reflektif dan makna kolokatif. Dapatan kajian tokoh ini menunjukkan bahawa pengarang masih mengekalkan gaya bahasa kreatif dari segi penggunaan leksikal secara abstrak bagi mengimplimentasikan makna.

Kajian Mohd Khairul Adenan et al. (2018) yang bertajuk *Analisis Stilistik melalui Penggunaan Bahasa dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman* pula dilaksanakan dengan tujuan untuk meneliti penggunaan bahasa (diksi), kesan penggunaan unsur bahasa dramatik dan mengenal pasti gaya peribadi penulis dalam teks novel tersebut. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian tersebut melibatkan penyelidikan kualitatif berdasarkan analisis teks. Kajian ini juga menggunakan Teori Stilistik dengan memberikan penekanan kepada Prinsip Webber (1989). Analisis juga melibatkan bacaan rapi dan teliti bagi tiap kata, frasa dan ayat bagi mengenal pasti aspek diksi dan unsur bahasa dramatik yang terdapat dalam novel tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan aspek

diksi seperti slanga, dialek dan bahasa asing dapat memberi fungsi dalam novel ini misalnya, merealitkan latar-latar, mengenal pasti perwatakan, dan mewujudkan kesan kepada watak. Bagi kesan penggunaan unsur bahasa dramatik, analisis mendapati penggunaan tersebut dapat memberi kesan kepada konteks dan watak. Dari aspek gaya peribadi pula, penulis novel ini banyak menggunakan slanga, dialek utara dan gemar menggunakan penggunaan gaya bahasa hiperbola dan simile dalam teks novel *Nasi Kangkang*. Secara keseluruhannya, penggunaan Teori Stilistik ini dapat melihat gaya penggunaan bahasa dalam novel ini dan implikasi kajian ini adalah dapat memberi maklumat tentang definisi sastera Indie serta bagaimana gaya bahasa yang digunakan dalam karya-karya Indie.

Seterusnya, kajian Khir Johari dan Suhaiza (2021), *Unsur-Unsur Metafora dalam Jangan Bunuh Rama-Rama Karya Noordin Hassan: Aplikasi Teori Stilistik* pula bertujuan mengenal pasti penerapan unsur metafora dan juga kesan unsur metafora dalam karya *Jangan Bunuh Rama-Rama*. Unsur-unsur metafora merupakan satu gaya bahasa yang terdapat dalam penggunaan bahasa untuk menghasilkan satu karya sastera supaya karya yang dihasilkan lebih bernilai dan mempunyai unsur keindahan dengan penggunaan bahasa berunsurkan metafora. Kajian ini turut dilaksanakan dengan menggunakan Teori Stilistik dan reka bentuk penyelidikan kualitatif berdasarkan analisis teks dengan menggunakan kajian kepustakaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa unsur-unsur metafora yang diterapkan dalam hasil karya dapat memberi kesan yang positif dan kebaikan kepada karya sekali gus memberi kesan yang baik kepada khalayak.

Metodologi Kajian

Reka bentuk penyelidikan kualitatif telah digunakan sebagai metodologi kajian ini. Kajian kualitatif dilihat amat relevan untuk dilaksanakan bagi kajian ini kerana membenarkan pengkaji untuk mendapatkan dapatan kajian yang bersifat subjektif seperti melalui penyemakan perkara-perkara yang berkaitan dengan fenomena yang dikaji, pemerhatian percakapan atau temu bual. Selaras dengan latar kajian, pendekatan analisis dokumen telah digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana analisis dokumen merupakan proses pengumpulan data yang melibatkan pemeriksaan, pencerakinan, penyelidikan, penganalisan terperinci terhadap perkara yang dikaji, dan penyiasatan terhadap bahan bertulis. Dokumen merupakan salah satu sumber data yang cepat dan mudah untuk diperoleh serta dapat memberikan informasi yang relevan kepada masalah dan isu yang dikaji. Dokumen yang digunakan oleh pengkaji untuk melakukan analisis terhadap unsur gaya bahasa perulangan ialah teks novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib. Pemilihan pendekatan analisis dokumen juga berupaya membolehkan pengkaji untuk meneliti kandungan mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam pengertian yang lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Babbie, 2010: 332).

Analisis tematik telah digunakan bagi meneliti kekerapan tema yang hadir bagi menjawab persoalan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji perlu menganalisis data dengan cara mengeluarkan watak, mendapatkan maklumat yang lebih tepat, mengenal pasti jenis gaya bahasa perulangan dan menentukan gaya bahasa perulangan yang paling dominan yang terdapat dalam teks novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib. Seperti yang diketahui, setiap proses penganalisan data mestilah merujuk kepada prinsip-prinsip sesuatu teori. Bagi memastikan kajian ini dijalankan secara telus, pengkaji telah menggunakan Teori Stilistik yang dipelopori oleh Webber pada tahun 1989. Pengkaji akan mengaitkan gaya bahasa perulangan yang diperoleh dalam teks kajian dengan Teori Stilistik berpandukan enam prinsip teori yang telah dikemukakan oleh beliau. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, kesemua dapatan kajian telah diteliti oleh pakar untuk memberikan pengesahan yang terdiri daripada pensyarah yang berpengalaman dalam bidang yang dikaji, iaitu Pendidikan Bahasa Melayu. Tujuan pengkaji menggunakan pengesahan daripada pakar

adalah untuk memastikan bahawa dapatan kajian mampu menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, kaedah Indeks Pengiraan Cohen Kappa telah digunakan untuk menentukan kebolehpercayaan data kualitatif (Layang Ugek & Jamaludin Badusah, 2018). Indeks Pengiraan Cohen Kappa ini diperlukan dalam pengesahan dapatan kajian kerana dapat membantu pengkaji menentukan kesesuaian klasifikasi, tema, subtema, pelbagai subtema-subtema dan analisis unit data bagi kajian ini.

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan tentang dapatan kajian yang memaparkan penerapan gaya bahasa perulangan yang terdapat dalam teks novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti penerapan gaya bahasa perulangan dan gaya bahasa perulangan yang paling dominan yang terdapat dalam teks novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib. Penentuan aspek gaya bahasa perulangan dalam teks novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib bagi kajian ini adalah berdasarkan Teori Stilistik. Setiap penemuan penerapan gaya bahasa perulangan dikenal pasti dan ditentukan mengikut jenis masing-masing serta bilangannya.

Penerapan Gaya Bahasa Perulangan yang terdapat dalam Teks Novel *Leftenan Adnan* Karya Abdul Latip Talib

Melalui pembacaan dan pengamatan terhadap teks novel *Leftenan Adnan*, pengkaji mendapati bahawa terdapat 103 bentuk penerapan unsur gaya bahasa perulangan. Kesemua gaya bahasa perulangan tersebut merangkumi perulangan anafora, epifora, simplok, responsi, *woordopname* dan paralelisme. Dalam proses ini, pengkaji telah membuat kajian kepustakaan bagi memastikan penerapan gaya bahasa perulangan dapat dikenal pasti. Setiap gaya bahasa perulangan yang ditemui, disenaraikan dan ditentukan jenis-jenis perulangan berdasarkan dapatan yang diperolehi. Jadual penerapan gaya bahasa perulangan yang dikenal pasti daripada teks novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib turut disediakan. Salah satu istilah lain untuk gaya bahasa perulangan ialah gaya bahasa penegasan. Sebagaimana yang diterangkan oleh Keraf (1990), cara perulangan ini dipanggil repetisi. Pengulangan bunyi, suku kata, kata atau bahagian ayat yang dianggap penting untuk memberi tekanan dikenali sebagai repetisi. Sebagai contoh, dalam sesebuah teks sajak, pengulangan berlaku apabila terdapat kata, ungkapan, baris, atau rangkap yang diulang (Fadzri Aris, 2013). Anafora, repetisi, simplok, dan epifora adalah empat kategori perulangan yang biasanya berlaku. Anafora ialah perulangan pada awal baris, manakala epifora ialah perulangan pada akhir baris. Perulangan kata dalam sesuatu baris dipanggil repetisi, manakala simplok merujuk kepada perulangan kata di tengah-tengah baris puisi.

i. Anafora

Anafora ialah gaya bahasa yang mengulang perkataan pertama pada setiap baris atau ayat, biasanya berulang kali, untuk memberi kesan tertentu, walaupun dalam bentuk prosa atau puisi. Menurut Rahman Shaari (1993), anafora ialah perulangan perkataan atau perkataan-perkataan di awal baris. Menurut Tarigan (1989), anafora ialah gaya bahasa yang memperlihatkan kata pertama diulang pada setiap baris atau kalimat. Terdapat sebanyak 32 bentuk gaya bahasa perulangan anafora yang dikenal pasti dalam teks novel karya Abdul Latip Talib.

Jadual 1

Penerapan Gaya Bahasa Perulangan Anafora dalam Teks Novel Leftenan Adnan Karya Abdul Latip Talib

Bil.	Diksi	Halaman
------	-------	---------

1.	Dia melelapkan mata pura-pura tidur tetapi Adnan tahu ayahnya belum tidur. Dia memandang ke arah ibunya yang sedang tekun menganyam tikar mengkuang.	1
2.	“ Merdeka? Apa maksud abang dengan merdeka?” “ Merdeka itu maknanya kita bebas memerintah tanah air kita sendiri. Kita yang berkuasa, bukan lagi bangsa asing. Contohnya, Kerajaan Melayu Melaka dahulu.”	5
3.	Adnan dapat melihat kegagahan Hang Tuah dan kawan-kawannya menentang penyamun itu. Adnan menyaksikan pertempuran itu dengan penuh perhatian.	9
4.	“ Aku akan bunuh kau!” tempik raksasa itu. “ Aku tak takut!” balas Hang Tuah pula sambil menghunus kerisnya.	9
5.	“ Adnan! Sudah siap belum?” laung Pak Saidi dari bawah rumah. “ Adnan turun sekarang,” balas Adnan sambil mencapai bekas air minuman.	10
6.	Dia mesti rajin bekerja kerana itulah mata pencariannya. Dia tidak mahu seperti kebanyakan orang lain yang lebih suka menghabiskan masa duduk di warung kopi milik Pak Samad yang terletak di persimpangan kampung itu.	11
7.	Dia lahir di Melaka, ibunya orang Melayu tetapi bapanya berasal dari Yaman. Dia pernah menuntut di Mekah, Beirut, dan Mesir.	18
8.	“ Ayah sengaja merahsiakannya kerana itu adalah pesanan datuk kamu. Ayah juga berpesan kepada kamu rahsiakan perkara ini dan jangan hebahkan kepada sesiapa.”	23
9.	Alang tidak setuju apabila Dol Said dan beberapa orang pengikutnya mengambil keputusan untuk menyerah diri kepada British. Alang dan isterinya meninggalkan Gunung Pasir membawa diri lalu sampai ke Kampung Repah yang terletak tidak jauh dari Tampin.	24
10.	Beliau akhirnya meninggalkan Seri Menanti untuk meneruskan perjuangan menentang Inggeris. Beliau bersembunyi di sebuah kampung bernama Juaseh yang terletak dalam daerah Jempol.	25
11.	Kalau abang nak makan sekarang Milah siapkan, atau abang dah makan di warung?” “ Kalau abang makan di warung, tentu isteri abang merajuk.	28
12.	Abang cuma mahukan anak-anak kita berpelajaran tinggi. Abang tidak mahu nasib mereka menjadi seperti anak-anak muda kampung ini.	33
13.	“ Tayar basikal kita dah bocor.” “ Tayar ini bukan bocor, tapi kenek kerat dengan pisau.	62
14.	“ Abang jangan nak menuduh sembarangan kalau tak ada bukti,” nasihat isterinya mengingatkan. “ Abang bukan nak menuduh, Milah.	65
15.	“ Saya pun nak masuk, Cikgu,” kata Nizam sambil mengangkat tangan “ Saya juga,” balas Ah Chong pula. “ Saya juga,” kata Ramasamy.	77
16.	Dia ingin membuktikan bahawa dirinya juga boleh berjaya. Dia yakin usaha yang bersungguh-sungguh itu pasti beroleh kejayaan.	78

17.	“ Saya mesti cuba dulu, mak. Saya yakin boleh!” Adnan cuba meyakinkan ibunya.	78
18.	“ Aku dari warung tadi dan terus datang ke mari. Aku nak jumpa Adnan”.	94
19.	“ Ada apa kau nak jumpa dia?” “ Ada surat untuk dia.”	94
20.	“ Guru pelatih saja, Pak Karim,” kata Adnan tersenyum nipis. “ Guru pelatih pun bagus.	95
21.	Kita tak dapat apa-apa pun, yang untung mereka dan yang rugi pula kita. Kita hanya membiarkan mereka bermaharajalela mengaut keuntungan hak milik kita untuk memperkayakan negara mereka sendiri.	100
22.	“ Sophia terkenangkan abang Adnan, mak. Sophia risau akan keselamatan dirinya di sana lebih-lebih lagi dalam keadaan tidak menentu,” beritahunya perasaan yang terpendam di hati.	198
23.	Tindakan itu mesti kita lakukan dengan segera,” katanya lagi. “ Tindakan itu pasti menimbulkan kemarahan Amerika Syarikat dan Britain.	201
24.	“ Kenapa kita menuju ke Thailand? Kenapa tidak ke Tanah Melayu?” tanya Leftenan Kuzuko, pembantu Jeneral Yamashita.	202
25.	Konvoi pertama diarahkan mendarat di Songkhla. Konvoi kedua mendarat di Pattani dan konvoi yang ketiga bergerak ke pantai Kota Bharu.	206
26.	Kita tidak boleh berdiam diri. Kita mesti menuntut bela di atas kematian Pegawai Penerbangan Bedell dan dua pembantunya.”	209
27.	Mereka berlindung di dalam kubu-kubu kecil di pantai. Mereka sengaja membiarkan kemaraan askar Jepun.	231
28.	“ Kami akan pertahankan tempat ini walau dengan apa-apa cara sekalipun. Kami akan berjuang hingga ke titisan darah yang terakhir,” kata Leftenan Adnan dengan penuh semangat.	286
29.	“ Kita pergi ke rumah itu dulu. Kita intip dengan lebih dekat lagi dari dengar apa yang mereka sedang rancang.”	291
30.	“ Saya mahu kamu berdua cari jalan untuk menembusi kubu pertahanan mereka. Saya tidak mahu tahu cara kamu berdua lakukan, tapi saya mahu pastikan semua askar hingusan itu mati.	306
31.	“ Kami sangka kamu menjadi tawanan Jepun atau sudah meninggal dunia,” kata Koperal Senin hairan. “ Kami memang menjadi tawanan Jepun.	309
32.	“ Abang simpati dengan nasib yang menimpa Saidi itu. Abang puji kerana dia penyabar orangnya,” kata Pakih pula.	346

Berdasarkan dapatan gaya bahasa anafora ini, perkataan-perkataan yang diulang pada awal ayat menimbulkan penegasan kepada makna atau maksud ayat-ayat tersebut. Penegasan kepada makna terhadap sesuatu ayat yang dikarang oleh penulis dapat menunjukkan suatu kesinambungan makna ayat daripada dua ayat yang berbeza dan berturutan. Hal ini dikatakan demikian kerana mampu menimbulkan unsur penguat terhadap maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Jelasnya, perulangan gaya bahasa perulangan ini menurut teori yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu Teori Stilistik. Kajian ini turut selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Md Zahril Nizam Md. Yusoff et al. (2020), iaitu *Analisis Stilistik dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah*.

ii. *Epifora*

Epifora ialah gaya bahasa yang menggunakan kata, frasa, atau beberapa kata pada akhir baris atau ayat yang berulang. Rahman Shaari (1993) menyatakan bahawa epifora ialah perulangan perkataan pada akhir baris. Menurut Keraf (1990), epifora ialah apabila kata atau frasa berulang kali diletakkan pada akhir baris atau kalimat. Unsur yang terdiri daripada perulangan kata akhir pada setiap baris, dikenali sebagai gaya bahasa epifora. Walaupun gaya bahasa epifora ini lebih terkenal dalam puisi, tetapi juga boleh didapati atau hadir dalam karya prosa. Terdapat sebanyak 25 penerapan gaya bahasa perulangan epifora yang dikenal pasti dalam teks novel Leftenan Adnan karya Abdul Latip Talib.

Jadual 2

Penerapan Gaya Bahasa Perulangan Epifora dalam Teks Novel Leftenan Adnan Karya Abdul Latip Talib

Bil.	Diksi	Halaman
1.	Sudah banyak kali diperkatakannya. Suaminya bagaikan sengaja mengulang-ulang cerita itu supaya tidak luput daripada ingatannya.	6
2.	Pak Saidi tidak terus naik ke rumah . Dia ingin berehat dulu di atas pangkin kayu di bawah pohon manggis di tepi halaman rumahnya .	16
3.	“Boleh ayah buat kami senapang kayu ?” “Bukankah ayah dah buat kamu keris dan pedang kayu ?”	19
4.	“Orang Putih berperang gunakan senapang . Orang Melayu juga mesti gunakan senapang ,”	19
5.	Setelah penat bekerja, Pak Saidi mandi dan membersihkan diri di sungai itu . Kemudian dia berehat melepaskan penat di pondok itu .	21
6.	Akibatnya, Dol Said dan para pengikutnya kalah lalu berundur ke Pasir Besar . Askar British dengan bantuan orang-orang Rembau terus memburu Dol Said sehingga berlaku sekali lagi pertempuran di Pasir Besar .	24
7.	Kekalahan itu menyebabkan Inggeris berjaya campur tangan di Seri Menanti, namun Datuk Siamang Gagap tidak mahu tunduk kepada Inggeris . Beliau akhirnya meninggalkan Seri Menanti untuk meneruskan perjuangan menentang Inggeris .	25
8.	Tidak ada sekolah menengah dan tinggi . Kalau anak kita belajar di sekolah Inggeris, dia boleh terus sambung belajar di sekolah menengah dan sekolah tinggi .	32
9.	“Guru besar sekolah itu memang orang putih . Guru penolongnya juga orang putih .”	34
10.	Cikgu Nazri membawa Pak Saidi masuk ke bilik Guru Besar . “Selamat pagi, tuan guru besar .”	36
11.	“Tadi aku cari di kedai Samad tak ada . Aku pergi ke rumah pun tak ada .”	48
12.	“Kau tahu kenapa orang Inggeris itu lebih maju daripada kita ? Kenapa mereka menjajah negeri kita ?”	50
13.	Tapi itu bukanlah alasannya untuk kita terus menerus membenci ilmu mereka . Saya cuma mahu anak-anak saya menimba ilmu pengetahuan dengan mereka .	54

14. Pak Saidi pula berasa puas hati kerana perkara yang terbuku di hati sudah diluahkan**nya**. Terpulang kepada mereka untuk menerima ataupun sebaliknya. 55
15. Sedangkan pada masa itu China bukan beragama **Islam**. Hal ini bermakna kitab oleh belajar daripada mereka yang bukan beragama **Islam**. 56
16. Sementara menunggu Tok Mudim minum, Adnan Nampak resah di tempat duduk**nya**. Semakin kencang pula debaran di dadanya. 71
17. "Abang pun sama. Abang suka anak kita terkorban!" bentak Mak Milah **marah**. Muka Mak Milah merah padam menahan **marah**. 112
18. Ada baiknya kita mati berjuang daripada menyerah **kalah**. Walaupun hakikatnya kita **kalah!**" ujar Adnan tegas. 162
19. "Sophia sentiasa mendoakan keselamatan **abang**. Doa Sophia tidak akan putus-putus mengiringi perjuangan **abang**." 164
20. "Hish! Kau ni, buat apa diminta mereka datang ke **mari**. Lagi bagus kalau mereka tak jadi datang ke **mari**," selar Karim pula. 167
21. Sebahagian daripada mereka diarahkan berada di utara Tanah Melayu dan sebahagian lagi ditempatkan di **Singapura**. Mereka menjangka askar Jepun akan mendarat di Kelantan ataupun di **Singapura**. 181
22. "Maaf mengganggu, **tuan**. Ini ada surat untuk **tuan**." 217
23. "Adakah Jeneral **setuju?**" tanya Leftenan Adnan. "Jeneral Percivel tidak akan **setuju**," jawab Kapten Rix. 285
24. "Jangan bergerak atau kami **tembak!**" jerit Koperal Senin ke arah lembaga itu. "Jangan **tembak!**" jerit satu suara. 309
25. Beberapa orang tentera Jepun berjaya mendaki bukit dari sebelah kiri, tetapi askar yang berada di bahagian itu segera melepaskan **tembakan**. Terdengar jeritan kesakitan akibat terkena **tembakan**. 326

Jelas menunjukkan bahawa keadaan ini sama seperti gaya bahasa perulangan anafora iaitu gaya bahasa perulangan epifora juga berfungsi untuk menimbulkan penegasan kepada makna atau maksud ayat-ayat yang telah dikenal pasti. Penggunaan gaya bahasa perulangan epifora ini membuktikan bahawa gaya bahasa ini telah menepati Teori Stilistik yang digunakan. Dalam pada itu, kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Dian Hardise, et. al. (2022) dalam kajiannya yang bertajuk 'Analisis Gaya Bahasa Novel Si Anak Badai Karya Tere Liye' mengkaji tentang gaya bahasa yang terdapat dalam teks novel ini.

iii. Simplik

Simplik ialah gaya bahasa yang menunjukkan kata-kata berulang kali digunakan pada awal dan akhir baris yang sama. Simplik juga terdiri daripada kombinasi gaya bahasa anafora dan epifora yang hadir dalam ayat yang sama. Menurut Keraf (1990), simplik ialah jenis gaya bahasa repetisi yang muncul semula pada baris atau ayat berikutnya. Simplik terdiri daripada perulangan pada awal dan akhir baris. Simplik terdiri daripada gabungan anafora dan epifora, yang merujuk kepada perkataan yang diulang pada awal dan akhir baris atau kalimat. Dapatan kajian menunjukkan penerapan gaya bahasa perulangan jenis simplik hanya terdapat sebanyak empat dapatan sahaja.

Jadual 3*Penerapan Gaya Bahasa Perulangan Simplot dalam Teks Novel Leftenan Adnan Karya Abdul Latip Talib*

Bil.	Diksi	Halaman
1.	Hari berganti hari .	119
2.	Minggu berganti minggu .	119
3.	Aku sanggup mati untuk mempertahankan maruah aku !	123
4.	Mereka begitu gembira apabila pakaian seragam itu diserahkan kepada mereka .	129

Jelasnya, gaya bahasa perulangan simplot yang terdapat teks novel ini hanya empat sahaja. Tujuan gaya bahasa perulangan ini digunakan oleh pengarang adalah untuk memberikan pertautan antara satu ayat itu. Tambahan lagi, gaya bahasa perulangan simplot yang terdapat dalam teks novel berdasarkan penelitian dan pemilihan pengarang sendiri. Meskipun begitu, dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Hasmah Abdulrani (1985) dalam kajiannya yang bertajuk 'Analisis Novel Muhammad Akhir Karya Anas K. Hadimaja' yang memperlihatkan jenis gaya bahasa perulangan seperti ini.

iv. Responsi

Responsi merujuk kepada gaya bahasa perulangan perkataan di tengah ayat atau baris. Menurut Rahman Shaari (1993), responsi ialah perulangan perkataan di tengah baris, ayat atau bahagian ayat. Selain itu, responsi ialah komponen gaya bahasa perulangan yang digunakan untuk memberi penegasan terhadap situasi tertentu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan gaya bahasa perulangan jenis responsi berjumlah sebanyak 26.

Jadual 4*Penerapan Gaya Bahasa Perulangan Responsi dalam Teks Novel Leftenan Adnan Karya Abdul Latip Talib*

Bil.	Diksi	Halaman
1.	"Memang betul kata awak, tetapi budaya kita juga jangan dilupakan. Tambahan pula kita ini keturunan pahlawan.	2
2.	"Sekiranya anak-anak kita mengikut jejak langkah mereka apa salahnya," balas Pak Saidi pula. "Saya tak mahu anak-anak kita menjadi buruan orang putih."	3
3.	Dengan peluang ini, lebih banyak sekolah Melayu akar didirikan. Lebih banyak anak-anak Melayu dapat bersekolah.	4
4.	Pada zaman kanak-kanak dahulu belum ada sekolah. Kalau ada pun hanya sekolah Inggeris, itupun di kawasan pekan dan bandar sahaja. Di kawasan kampung tidak ada sekolah.	4
5.	"Mustahil abang lupa. Tambahan pula arwah datuk abang seorang pahlawan terbilang yang menentang Inggeris di Negeri Sembilan."	6
6.	"Sekiranya orang Melayu bersatu, maka tanah air kita ini akan merdeka. Tetapi jika tidak bersatu, sampai bila pun kita akan dijajah," kata Pak Saidi.	6
7.	"Mereka yang menentang Inggeris dianggap sebagai penderhaka. Keluarganya juga akan dianggap keturunan penderhaka.	7

8. Selain itu **ada** sebidang tanah sawah turut diusahakannya. Dia amat bersyukur sekurang-kurangnya **ada** juga harta yang ditinggalkan orang tuanya untuk dia menyara keluarga. Hidup keluarganya amat sederhana. 11
9. Rutin hariannya, selepas selesai menoreh **dia** pulang ke rumah. Selepas sembahyang zuhur, **dia** turun pula ke sawah. Tetapi kerana hujan malam tadi, **dia** membatalkan niatnya pergi ke sawah, tetapi bercadang ke dusun durian di belakang rumahnya. 11
10. Kemudian dia berkata lagi, “Di kampung kita ada **sekolah** pondok untuk belajar ilmu agama dan ada **sekolah** Melayu yang baru didirikan. Di pekan Sungai Ramal pula ada **sekolah** Inggeris. Abang nak hantar anak kita ke **sekolah** mana?” 31
11. “Kita **sudah** didik anak-anak kita dengan ilmu agama. Mereka **sudah** pandai membaca al-Quran dan sembahyang. Tetapi itu masih belum cukup. 32
12. “Tapi bagaimana nanti dengan pandangan orang kampung, bang. Mesti **mereka** beranggapan serong... .” “Ah! Pedulikan apa **mereka** nak kata! 33
13. Biarlah **mereka** menolong maknya di rumah. Lainlah lelaki, **mereka** nanti bila sudah berkahwin menjadi ketua keluarga. Sudah menjadi tanggungjawab **mereka** menyara anak isteri.” Karim tidak mahu mengalah. 52
14. “Begini... **aku** dapat tahu kamu menghantar anak kamu ke sekolah orang Inggeris. Jadi, **aku** ke mari mahu mendengar dari mulut kamu sendiri. 54
16. “Sebenarnya **aku** pun teringin belajar dengan kau. Tapi ayah **aku** tak benarkan. Ayah takut **aku** jadi murtad.” 59
17. “Ayah **aku** kata, pergilah belajar walau sampai ke negeri China kerana itu **aku** akan belajar bersungguh-sungguh.” 59
18. “Kenapa **abang** ni macam ayam berak kapur? Sejak balik dari warung Samad, **abang** diam saja. Apa yang abang fikirkan?” 65
19. Budin juga **sudah** bersedia menghadapi segala kemungkinan. Kedua-dua jaguh **sudah** bersedia untuk memperlihatkan kegagahan masing-masing. 88
20. “Kalau kami bertinju pasti **ada** yang bengkok berdarah. Ayah tengoklah badan saya ni tak **ada** kesan apa-apa pun,” jawab Adnan sambil membuka bajunya. 92
21. “Amerika Syarikat, Britain dan Belanda telah mengenakan sekatan **ekonomi** terhadap kita. Tindakan itu menyebabkan **ekonomi** kita meleset kerana barang-barang kita tidak boleh dijual ke luar negara dan barang-barang dari luar tidak dibenarkan masuk ke negara kita. 200
22. “Sekiranya itu keputusan **tuan**, maka saya tidak akan membantah. Tetapi jikalau berlaku apa yang saya katakan tadi, maka sejarah yang akan menghukum di atas keputusan **tuan** dan kecuaiannya, kata Jeneral A. E. Percival sebelum meninggalkan bilik persidangan. 211

22.	Leftenan Adnan mengarahkan tenteranya melemparkan bom tangan ke arah musuh yang sedang mendaki Bukit Candu. Walaupun letupan tidak sekuat bedilan mortar, sekurang-kurangnya ia dapat menghalang tentera musuh daripada terus mendaki ke kubu mereka.	307
23.	Prebet Nasir melepaskan tembakan ke arah musuh yang datang dari arah kanan. Tetapi tembakannya tidak tepat lalu musuh membalas tembakan mengenai dahinya hingga tembus ke belakang kepalanya.	309
24.	“Kau berjuang untuk British, bukan untuk bangsa Melayu!” herdik Leftenan Renya Mutuguchi. “Kami berjuang untuk mempertahankan tanah air kami!” balas Leftenan Adnan.	331
25.	“Anak-anak saya mati kerana berperang dengan Jepun. Saya juga sanggup mati menentang Jepun!” jawab Pak Saidi pula.	348
26.	Sebelum meletus perang , dia sempat menuai padi yang ditanamnya. Setelah perang meletus dan setelah Jepun memerintah Tanah Melayu, askar Jepun sering masuk ke kampung.	353

Berdasarkan dapatan, gaya bahasa perulangan responsi kerap digunakan oleh pengarang. Pengarang menggunakan gaya bahasa perulangan responsi kerana mahu memberikan penegasan kepada maksud bagi suatu perkataan itu. Setiap perkataan yang mengalami perulangan responsi mempunyai maksud atau makna yang tersendiri. Oleh itu, jelas membuktikan bahawa kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Asmiaty Amat (2011) dalam kajiannya yang bertajuk ‘Novel Ngayau: Analisis Kritis Unsur-unsur Intrinsik dan Unsur-unsur Ekstrinsik’. Teori stilistik juga masih digunakan untuk mengenal pasti gaya bahasa perulangan responsi.

v. *Woordopname*

Woordopname merupakan salah satu daripada gaya bahasa perulangan iaitu perulangan kata, frasa, beberapa kata pada akhir baris atau ayat dan akan diulang semula pada permulaan ayat seterusnya. *Woordopname*, menurut Rahman Shaari (1993), ialah gaya bahasa perulangan perkataan di hujung baris diulang semula pada awal baris berikutnya. Jumlah penerapan gaya bahasa perulangan *woordopname* adalah sebanyak 12.

Jadual 5

Penerapan Gaya Bahasa Perulangan Woordopname dalam Teks Novel Leftenan Adnan Karya Abdul Latip Talib

Bil.	Diksi	Halaman
1.	“Benarkah ayah? ” “ Ayah selalu datang ke sini tak pernah nampak hantu pun.”	22
2.	Kita tak dapat apa-apa pun, yang untung mereka dan yang rugi pula kita . Kita hanya membiarkan mereka bermaharajalela mengaut keuntungan hak milik kita untuk memperkayakan negara mereka sendiri.	100
3.	“Kenapa tuan nak jumpa dia? Dia ada buat salah?” Pak Samad minta kepastian.	105

4.	Dengan kemahiran itu nanti, Askar Melayu boleh mempertahankan tanah kita apabila diserang musuh .” “ Musuh kita adalah British. Mana ada musuh lain,” kata Nordin pula.	109
5.	Selepas subuh, Mamat sudah menanti di beranda rumah Adnan . Adnan sudah pun bersiap-siap berpakaian kemas berkemeja biru laut dan berseluar biru pekat.	114
6.	Tetapi sekiranya abang tidak kembali, Sophia redakan pemergiar abang . Abang berjuang demi tanah air, agama dan bangsa daripada dijajah pihak musuh.	164
7.	Inilah negeri kita. Di sini tanah tumpah darah kita . Kita tidak ada tempat lagi untuk melarikan diri.	179
8.	Sudah beberapa hari Tijah memerhati perubahan Sophia . Sophia selalu termenung dan kelihatan gelisah.	197
9.	Tindakan itu menyebabkan ekonomi kita meleset kerana barang-barang kita tidak boleh dijual ke negara luar dan barang-barang dari luar tidak dibenarkan masuk ke negara kita . Kita memerlukan bahan mentah seperti getah, bijih timah dan besi untuk membangunkan kilang-kilang kita,” kata Jeneral Tomoyuki Yamashita.	200
10.	Itu sudah cukup membuktikan mereka benar-benar mahu berperang dengan kita . Kita tidak boleh berdiam diri.	209
11.	Berita Leftenan Adnan gugur di medan perang yang disampaikan itu menyentak tangkai jantung Pak Saidi dan juga Sophia . Sophia menangis, anak-anaknya juga menangis apabila melihat ibu mereka menangis tanpa mengerti apa yang berlaku.	341
12.	Mereka yakin mayat Leftenan Adnan dibakar oleh tentera Jepun sebagai membalas dendam di atas kematian ramai rakan-rakan mereka . Mereka yang mendengar cerita itu berasa amat terharu dan menitiskan air mata.	343-344

Jelaslah, bahawa dapatan ini seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Jasudin Mamat (2000) mengkaji tentang *Kajian Gaya Bahasa dalam Novel Tivi* yang menganalisis secara terperinci tentang penggunaan aspek gaya bahasa dalam novel Tivi karya Shahnnon Ahmad. Kajian tersebut ada menyentuh tentang aspek gaya bahasa perulangan sama seperti kajian yang dijalankan oleh pengkaji kini. Dalam pada itu, gaya bahasa perulangan *woordopname* digunakan oleh pengarang bagi menunjukkan kesinambungan cerita yang ingin disampaikan. Penggunaan gaya bahasa perulangan *woordopname* juga memberi kesan penegasan kepada para pembaca. Perulangan perkataan yang dipilih oleh pengarang adalah sangat jelas kelihatan dan mudah difahami oleh sesiapa sahaja yang membacanya.

vi. Paralelisme

Paralelisme adalah sejenis gaya bahasa yang berusaha mencapai kesejajaran dalam pemakaian kata-kata atau frasa yang menduduki fungsi yang sama dalam bentuk gramatikal yang sama (Keraf, 1990). Menurut Rahman Shaari (1993), paralelisme ialah perulangan perkataan yang sejajar dalam baris yang berikutnya. Penerapan gaya bahasa perulangan jenis paralelisme sebanyak empat kali sahaja perulangan yang dikenal pasti oleh pengkaji.

Jadual 6

Penerapan Gaya Bahasa Perulangan Paralelisme dalam Teks Novel Leftenan Adnan Karya Abdul Latip Talib

Bil.	Diksi	Halaman
1.	“ Datuk Siamang Gagap? Siapa itu ayah?” “ Datuk Siamang Gagap ialah pahlawan yang menentang Inggeris di Negeri Sembilan.	25
2.	“ Saya juga... ” balas Ah Chong pula. “ Saya juga, ” kata Ramasamy.	77
3.	Mendengar laungan Leftenan Adnan itu, mereka kembali bersemangat. Laungan itu menjadikan mereka berani dan membakar semangat untuk terus berjuang. “ Allahuakbar! ” “ Allahuakbar! ” “ Allahuakbar! ”	324
4.	“ Allahuakbar! ” tiba-tiba Tok Imam bertakbir. Orang ramai juga turut bertakbir. “ Allahuakbar! ” “ Allahuakbar! ” “ Allahuakbar! ”	351

Jelasnya, dapatan bagi kajian ini hanya empat sahaja. Pengarang kurang menggunakan gaya bahasa perulangan paralelisme ini kerana memilih pada perkataan-perkataan yang tertentu. Pengarang banyak memberi fokus kepada gaya bahasa perulangan yang lain. Walau bagaimanapun, kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Fadzeli Jaafar et al. (2017) mengkaji tentang “Aspek Kesejajaran dalam Perbilangan Adat berdasarkan Analisis Stilistik”. Kajian ini menekankan kepada gaya bahasa perulangan paralelisme pada perkataan yang dipilih dan dirasakan perlu oleh pengarang. Selain itu, menerusi Teori Stilistik, hasil dapatan menunjukkan wujudnya gaya bahasa perulangan paralelisme.

Penerapan Gaya Bahasa Perulangan yang paling Dominan dalam Teks Novel *Leftenan Adnan* Karya Abdul Latip Talib

Menurut dapatan yang diperoleh mengenai penerapan gaya bahasa perulangan yang terdapat dalam teks novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib, sebanyak 103 penerapan gaya bahasa perulangan yang berjaya diperoleh oleh pengkaji. Jumlah atau bilangan yang telah dikenal pasti meliputi kepada keenam-enam jenis gaya bahasa perulangan iaitu anafora, epifora, simplok, responsi, *woordopname* dan paralelisme. Jumlah kekerapan ini dapat dilihat secara terperinci melalui jadual yang telah disediakan.

Jadual 6

Jumlah Keseluruhan Dapatan Gaya Bahasa Perulangan

Bil	Gaya Bahasa Perulangan	Kekerapan Dapatan
1.	Anafora	32
2.	Epifora	25
3.	Simplok	4
4.	Responsi	26
5.	<i>Woordopname</i>	12

6.	Paralelisme	4
	Jumlah Keseluruhan	103

Berdasarkan penelitian terhadap penerapan gaya bahasa perulangan yang terdapat dalam teks novel *Leftenan Adnan* karya Abdul Latip Talib, penerapan gaya bahasa perulangan jenis anafora merupakan gaya bahasa perulangan yang paling kerap digunakan oleh penulis khususnya. Simplot dan paralelisme pula merupakan gaya bahasa perulangan yang kurang digunakan oleh penulis dalam teks novel ini. Abdul Latip Talib yang merupakan penulis kepada teks novel *Leftenan Adnan* ini sememangnya telah menerapkan penggunaan gaya bahasa perulangan dalam penulisan yang merangkumi enam jenis gaya bahasa perulangan iaitu anafora, epifora, simplot, responsi, *woordopname* dan paralelisme. Jelaslah, bahawa hasil dapatan yang memberi fokus sepenuhnya kepada gaya bahasa perulangan serta melihat gaya bahasa perulangan yang dominan terdapat dalam teks novel ini. Kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Mohd Khairul Adenan et al. (2018) dan Mohd Saipuddin Mohd Hasbullah (2016).

Kesimpulan

Untuk menunjukkan pelbagai penggunaan bahasa, aspek gaya bahasa turut memainkan peranan penting dalam teks novel. Selain itu, penggunaan gaya bahasa dalam sesebuah karya tulis juga boleh menunjukkan ciri unik dan nilai keindahan yang hanya wujud dalam bahasa Melayu. Salah satu gaya bahasa yang selalu digunakan oleh penulis novel ialah gaya bahasa perulangan. Gaya bahasa ini bukan sahaja memberi pembaca pengalaman membaca yang menarik, tetapi gaya bahasa juga menarik pembaca untuk meneliti dan menghayati sesebuah novel itu. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa novel *Leftenan Adnan* yang ditulis oleh Abdul Latip Talib menggunakan gaya bahasa yang menarik. Jelaslah bahawa penulis sememangnya menggunakan pelbagai jenis gaya bahasa perulangan dalam novel ini seperti penggunaan gaya bahasa perulangan seperti anafora, epifora, simplot, responsi, *woordopname* dan paralelisme. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau mahu memberi penegasan terhadap idea-idea yang disampaikan dalam ayat. Selain itu, gaya bahasa perulangan yang terdapat dalam novel ini turut menunjukkan kematangan dan mempunyai daya penarik buat para pembacanya. Oleh itu, kepelbagaian kaedah penyampaian bahasa yang digunakan tentunya menarik dan boleh membantu pembaca, khususnya murid untuk memahami kandungan sesebuah novel. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkataan atau frasa tertentu yang diberikan penegasan makna bakal membantu pembaca atau murid untuk memahami konteks yang ingin disampaikan oleh penulis. Selain itu, kajian ini memberikan penjelasan yang mendalam tentang setiap konsep yang terlibat dalam gaya bahasa perulangan. Murid sekolah menengah yang mempelajari gaya bahasa perulangan biasanya hanya memahami konsep tertentu seperti anafora, epifora dan responsi. Kajian ini akan membolehkan mereka mengetahui dan mempelajari konsep gaya bahasa perulangan seperti simplot, *woordopname* dan paralelisme. Kajian ini tidak hanya memberikan penerangan tentang idea yang berkaitan dengan setiap aspek gaya bahasa perulangan, tetapi kajian ini juga menunjukkan bagaimana aspek-aspek ini digunakan dan bagaimana gaya bahasa perulangan ini boleh dikenal pasti. Melalui penulisan ayat, penulis ingin menunjukkan elemen penegasan terhadap makna dan maksud yang ingin disampaikan. Dalam pada itu, gaya bahasa perulangan ini mempunyai keupayaan untuk mewujudkan unsur harmoni dalam idea yang disampaikan melalui ayat yang digunakan. Ayat-ayat yang dikemukakan disambungkan oleh perkembangan idea juga. Perulangan perkataan atau frasa amat penting dalam situasi ini disebabkan penyampaian suatu konteks dijadikan sebagai penguat dan penegasan makna atau maksud hujah.

Rujukan

- Abdul Latip Talip. (2008). *Leftenan Adnan: Wira Bangsa*. PTS Publications & Distributors.
- Asmiaty Amat. (2011). Ngayau sebagai sebuah novel berwarna tempatan: Satu kajian sosiologi sastera. *MANU*, 17, 39–56.
- Arbai'e Sujud & Arbak Othman. (2014). *Stilistik*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azhar Md Sabil, Abdul Rasid Jamian, Shamsuddin Othman, Rozita Radiah Said, Tajularipin Sulaiman, & Zarien Nurlieyana Aminuddin. (2021). Penerapan kemahiran insaniah bagi domain afektif kemahiran komunikasi, sepanjang hayat, sosial dan kepimpinan untuk kemenjadian siswa universiti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 105–119. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.10.2021>
- Babbie, E. R. (2010). *The practice of social research*. Wadsworth Cengage Learning.
- Chew, F. P, & Saidatul Aliah Amir. (2023). Tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun satu. *PENDETA*, 14(1), 74–87. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.7.2023>
- Cohen, J. (1960). A coefficient for agreement for nominal scales. *Educational and Psychological Measurement*, 37-46. <https://doi.org/10.1177/001316446003700104>
- Dian Hardise, Tri Astuti, & Agung Nugroho. (2022). Analisis gaya bahasa novel *Si Anak Badai* karya Tere Liye. *Kajian Sastra Nusantara Linggau*, 2(1), 11-19. <https://doi.org/10.29240/ksnl.v2i1.2687>
- Faizah Abdul Rashid. (2022). Cabaran belajar subjek bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan bumiputera di Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 13–22. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.2.2.2022>
- Fadzri Aris. (2013). *Antologi Kasut Kelopak Jantung dan Novel Hikmah Tingkatan 1 - Kupasan & kajian bestari KOMSAS*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Faza Atiqa. (2018). Ayat perintah dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Dicapai dari <https://prezi.com/p/ejbbs6x92egi/ayat-perintah-dalam-novel-leftenan-adnan-wira-bangsa/>
- Hasmah Abdulrani. (1985). *Analisis novel Muhammad Akhir karya Anas K.Hadimaja*. [Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan, Jabatan Pengajian Melayu], Universiti Malaya.
- Hassan. (1990). *Stilistik: Satu pengantar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henry Guntur Tarigan. (1989). *Pengajaran gaya bahasa*. Penerbit Angkasa.
- Jasudin Mamat. (2000). *Kajian gaya bahasa dalam novel Tivi*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keraf, G. (1990). *Diksi dan gaya bahasa*. PT Gramedia Pustaka Utama.

- Khair Johari & Suhaiza. (2021). *Unsur-unsur metafora dalam Jangan Bunuh Rama-Rama karya Noordin Hassan: Aplikasi teori stilistik*. [Latihan Ilmiah Tahun Akhir Tidak Diterbitkan], Universiti Malaysia Kelantan.
- Layang Ugek & Jamaludin Badusah. (2018). Amalan dan masalah pengajaran literasi bahasa guru bahasa Melayu ketika mengajar murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(2), 25-38. <https://doi.org/10.17576/jpbm-2018-0802-03>
- Leech, G. N., & Short, M. (2007). *Style in fiction: A linguistic introduction to English fictional prose* (2nd ed.). Pearson Education Ltd.
- Mahzan Arshad. (2003). *Pendidikan literasi bahasa Melayu: Satu pendekatan bersepadu*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (2003). Wacana bahasa dalam teori sastera pascamoden. *Jurnal Bahasa*, 3(4), 505-536.
- Md Zahril Nizam Md. Yusoff, Darwalis Sazan, Noriah Mohamed, & Mohd Najib Abdul Rahim. (2020). Analisis stilistik dalam teks Melayu *Hikayat Abdullah*. *Jurnal Melayu*, 19(1), 75-91. <https://doi.org/10.17576/jm-2020-1901-07>
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman, & Norsimah Mat Awal. (2017). Aspek kesejajaran dalam perbilangan adat berdasarkan analisis stilistik. *Akademika*, 87(1), 279–290. <https://doi.org/10.17576/akad-2017-8701-21>
- Mohd Saipuddin Mohd Hasbullah. (2016). *Penerapan teori Stilistik dan Teksdealisme bagi menganalisis puisi Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). Pengajaran gaya bahasa dalam bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 16, 37-54.
- Noraini Ibrahim, & Ani Omar. (2017). Analisis pengarang dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talip. *Sains Humanika*, 9(3), 17–35.
- Nur Hanis Mohd Ramlee. (2023). *Unsur patriotisme dalam novel Leftenan Adnan Wira Bangsa: Satu kajian berdasarkan Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. [Latihan Ilmiah Tahun Akhir Tidak Diterbitkan], Universiti Malaysia Kelantan.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Webber, J. J. (1989). *The Stylistics reader*. Routledge.